



## JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia yang berkelayakan serta berumur 18 tahun ke atas. Keutamaan diberi kepada Rakyat Negeri Pahang untuk mengisi kekosongan jawatan berikut di Pusat Kutipan Zakat Pahang:-

### 1. PENOLONG PEGAWAI PENGURUSAN HARTA DAN PENILAI ( TETAP – LELAKI/PEREMPUAN 1 )

#### Syarat Kelayakan

- i. Warganegara Malaysia.
- ii. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- iii. Memiliki;
  - a. Sijil Pengurusan Harta Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
atau
  - b. Sijil Penilaian Harta Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
atau
  - c. Diploma dalam bidang pengurusan harta tanah atau pengurusan harta benda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan setaraf dengannya.
- iv. Keutamaan akan diberikan kepada calon yang memiliki sijil Sekolah Agama dan mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya 2 tahun.

### 2. PEMBANTU PEGAWAI ZAKAT ( TETAP – LELAKI 2 )

#### Syarat Kelayakan

- i. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan mendapat:-
  - a. Kepujian dalam Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan);
  - b. Kepujian dalam mata pelajaran Pendidikan Islam atau Pendidikan Syariah Islamiah; dan
  - c. Lulus Matematik atau Akaun.
- ii. Keutamaan akan diberikan kepada calon yang memiliki sijil Sekolah Agama dan mempunyai pengetahuan mengenai penggunaan komputer.

### 3. PEMBANTU TADBIR ( TETAP – LELAKI/PEREMPUAN 7 )

#### Syarat Kelayakan

- i. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan mendapat:-
  - a. Kepujian dalam Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan);
  - b. Kepujian dalam mata pelajaran Pendidikan Islam atau Pendidikan Syariah Islamiah; dan
  - c. Lulus Matematik atau Akaun.
- ii. Keutamaan akan diberikan kepada calon yang memiliki sijil Sekolah Agama dan mempunyai pengetahuan mengenai penggunaan komputer.

#### 4. PEMANDU ( KONTRAK – LELAKI 2 )

##### Syarat Kelayakan

- i. Memiliki Sijil Penilaian Menengah Rendah (PMR) dengan mendapat:-
  - a. Kepujian dalam Bahasa Melayu;
  - b. Kepujian dalam mata pelajaran Pendidikan Islam;
  - c. Memiliki lesen memandu kelas B2 dan D (memiliki lesen GDL diutamakan); dan
  - d. Berkebolehan memandu, mengenali dan menyelenggara kenderaan berkenaan.

Gaji yang ditawarkan adalah berdasarkan kelayakan dan pengalaman tertakluk kepada Skim Perkhidmatan PKZ Pahang.

Cara memohon

- i. Semua permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang yang boleh didapati di pejabat PKZ Pahang yang berhampiran atau dicetak dari laman web [www.zakatpahang.my](http://www.zakatpahang.my) atau kod QR di bawah.



IMBAS KOD QR UNTUK  
BORANG PERMOHONAN JAWATAN

- ii. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah disertakan dengan resume, sekeping gambar ukuran paspot, salinan kad pengenalan pemohon, sijil lahir pemohon, ibu dan bapa, sijil-sijil kelayakan akademik dan lain-lain dokumen yang berkaitan yang diakui sah kepada alamat berikut:

Pengurus Besar Kanan  
Ibu Pejabat Pusat Kutipan Zakat Pahang  
No.111A, Tingkat 1, Bangunan MUIP,  
Jalan Mahkota,  
25000 Kuantan,  
Pahang Darul Makmur.

- iii. Sila tulis nama jawatan yang dimohon pada sebelah kiri sampul surat.

##### Perhatian

- (i) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk di temuduga:
- (ii) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas (1) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN INI ADALAH PADA 15 OKTOBER 2021**